

24 MAY 1996

Koh-Industri

TIGA KONSEP UTAMA ASAS PEMBANGUNAN TEKNOLOGI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 24 Mei (Bernama) -- Kerajaan Pulau Pinang akan menumpukan perhatian kepada tiga konsep utama sebagai teras pembangunan teknologi negeri ini pada masa akan datang, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata satu daripadanya ialah menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat pengeluaran bersepadu bagi industri-industri gergasi di rantau ini.

Kerajaan juga berhasrat menjadikan Pulau Pinang pusat pertumbuhan ekonomi bagi Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan menjadikan PenangNet, rangkaian jaringan maklumat mengenai Pulau Pinang, sebagai kunci utama perkembangan teknologi tinggi negeri.

Katanya, ketiga-tiga faktor ini boleh menjadi daya tarikan kepada pelabur asing untuk lebih mengenali Pulau Pinang sebagai pusat perkembangan perindustrian rantau ini dan menyertainya pada masa akan datang.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini lewat malam tadi sekembalinya daripada mengikuti rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat dan London.

Dr Koh berkata rangkaian maklumat itu boleh digunakan untuk memperkenalkan Pulau Pinang dan kawasan sekitar seperti Kedah dan Perak kepada dunia luar sebagai pusat pertumbuhan industri yang baru.

Katanya, Pulau Pinang juga akan lebih menumpukan kepada pembangunan industri yang berasaskan intensif teknologi dan modal dan bukan bergantung kepada yang intensif buruh.

Dr Koh berkata, semasa berada di San Francisco, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengadakan pameran yang berkesan mengenai kegiatan industri dan peluang pelaburan di sini dan berjaya menarik minat beberapa usahawan di sana untuk meninjau keadaan itu.

Katanya, beliau turut melawat sebuah firma antarabangsa di sana, Sun Micro System, yang akan bergabung dengan syarikat tempatan untuk melaksanakan sistem PenangNet, yang menggunakan teknologi Amerika Syarikat.

Di Washington DC dan London, beliau berpeluang menemui pegawai-pegawai kanan sektor industri dan perniagaan antarabangsa dan menerangkan kepada mereka mengenai pembangunan industri di negara ini khususnya di Pulau Pinang.

Katanya, setakat ini beberapa pihak menyatakan minat mereka untuk datang ke sini tetapi masih terlalu awal untuk menjangka bidang industri yang ingin mereka ceburi.

"Pada keseluruhannya, saya menyifatkan rombongan ini amat berjaya dan boleh mendatangkan faedah kepada pertumbuhan ekonomi negara dan negeri pada masa akan datang," katanya.

Dr Koh juga melahirkan rasa leganya kerana penyakit taun di negeri ini kini dilaporkan terkawal dan jumlah pesakit baru juga semakin berkurangan.

Beliau mengakui bahawa wabak itu membawa kesan jangka pendek kepada industri pelancongan negeri dan ini merupakan satu pengajaran yang perlu menjadi peringatan kepada semua pihak .

Tinjauan beliau di pejabat Pelancongan Malaysia di London menunjukkan terdapat penangguhan tempahan tiket penerbangan ke negeri ini pada masa ini kerana pelancong bimbang dengan wabak itu.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tiada pelancong asing yang berada di Pulau pinang dilaporkan dijangkiti taun dan menggesa mereka supaya terus memastikan pengambilan makanan dan minuman yang bersih.

"Ini merupakan pengajaran kepada kita terutamanya kepada Pihak Berkuasa Air (PBA), Jabatan Kesihatan, Majlis Perbandaran dan pengendali makanan dan menunjukkan bahawa kita memerlukan satu sistem pembedaan yang baik pada masa akan datang," katanya.

Beliau menyambut baik langkah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Indah Water Konsortium (IWK) mengkaji semula serta merombak struktur bayaran yang dikenakan kepada pengguna kerana ia lebih membebankan sektor komersil.

Mengenai arahan kerajaan persekutuan supaya semua kerajaan negeri memberhentikan proses pengambilan tanah sehingga pindaan Akta Pengambilan Tanah selesai, beliau berkata, kerajaan negeri ini telahpun berbuat demikian.

Katanya, perkara itu telah dipersetujui pada mesyuarat Exco dua minggu lepas dan pengambilan tanah akan diberhentikan sementara waktu kecuali bagi projek pembinaan infrastruktur yang sangat penting dan mendesak seperti projek tebatan banjir.

Katanya, tindakan itu dijangka tidak menjejaskan pembangunan negeri, malah PDC telah memberhentikan kegiatan mengambil tanah sejak beberapa tahun lepas.

Pengambilan tanah tertentu oleh agensi lain juga diberhentikan sementara waktu dan bagi kes-kes khusus, ia akan dibentangkan semula kepada mesyuarat Exco untuk keputusan selanjutnya. -- BERNAMA

ZU AYB NMO